

28/12/2000

Masa untuk pererat hubungan

ALOR STAR, Rabu - Semua pihak perlu mengetepikan sikap melampau dalam semua bidang termasuk politik bagi memastikan perpaduan antara rakyat terjamin, kata Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Beliau berkata formula kesederhanaan yang diamalkan masyarakat pelbagai kaum di negara ini sejak merdeka terbukti berjaya mewujudkan keharmonian kaum sehingga hari ini.

"Kita tidak mahu ekstremis di negara kita. Format kita sejak dahulu ialah semua kaum walaupun kecil diberi peluang sama rata dalam kerajaan," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbukanya di Mentalon, hari ini.

Sehubungan itu, katanya ingatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan Aidilfitri semalam supaya umat Islam melupakan perselisihan faham dan permusuhan dalam agama dan politik adalah tepat pada masa.

Menteri Besar berkata rakyat negara ini diumpamakan tinggal dalam sebuah kapal dan semua pihak perlu menjaganya supaya tidak karam.

"Jika kapal karam, bukan nakhoda sahaja yang tidak selamat, semua yang ada di atasnya (tidak selamat)," katanya.

Sehubungan itu, adalah wajar semua pihak mengetepikan perselisihan politik dan kembali bertaut.

(END)